

Jenis Akhbar : Utusan Online
Tarikh : 29/06/2019
Edisi /Muka Surat : www.utusan.com.my
Tajuk : Abdul Fattah kekal Presiden ANGKASA

Abdul Fattah kekal Presiden Angkasa



ABDULLAH FATTAH ABDULLAH (kanan) bersama Abdul Rahman Abdul Razak Shaik yang masing-masing menang jawatan sebagai Presiden dan Naib Presiden Angkasa selepas pengumuman barisan kepimpinan Baharu di PWTC, Kuala Lumpur hari ini. - UTUSAN ONLINE/ABDUL NAZIR MOHAMED

[Fadzil Zainol](#)

29 Jun 2019 6:35 PM

KUALA LUMPUR - Datuk Abdul Fattah Abdullah sekali lagi berjaya mengekalkan jawatan sebagai sebagai Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) untuk tempoh tiga tahun akan datang apabila memenangi pemilihan koperasi induk itu hari ini.

Beliau mengalahkan satu-satunya pesaing jawatan tersebut, Mustapa Kamal Maulut dengan keputusan kiraan undi 2,924 berbalas 1,071.

Beliau yang juga Presiden Pertubuhan Koperasi ASEAN (ACO) telah memegang jawatan Presiden Angkasa sejak tahun 2013.

Keputusan tersebut diumumkan semasa sesi penutupan Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa (PKTA) Ke-34 yang akan diadakan di sini yang sebelum itu dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd. Redzuan Md. Yusof.

Lebih 4,000 perwakilan mengundi untuk memilih jawatan-jawatan yang dipertandingkan.-

UTUSAN ONLINE